

**SOALAN NO. : 4**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa banyak sungai yang masih mempunyai status kelas 1 yakni yang boleh diminum tanpa rawatan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), pada tahun 2013, bilangan sungai yang telah dikategorikan sebagai Kelas I adalah sebanyak 10 batang sungai atau 2% daripada 473 batang sungai yang dipantau kualitinya oleh JAS.

Sekian, terima kasih.